ADAB-ADAB TILAWAH AL-QURAN

oleh
Imam al-Ghazali

Penterjemah:
Muhammad Nazmi Zafran
Mohamad Faiq Mohamad Sharin
Muhamad Mu'izz Abdullah

Editor:
Abdul Rauf Baharuddin

Melaka
Rabbani Books & Media
2021

ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN

Segala puji bagi Allah yang telah melimpahkan nikmat buat segala hamba-Nya dengan pengutusan Nabi Muhammad ﷺ dan penurunan al-Quran kepada Baginda, yang tiada dapat kebatilan mendatanginya sama ada dari hadapan mahupun belakang. Ia diturunkan oleh Yang Maha Bijaksana Lagi Maha Terpuji, sehingga terbuka luas jalan-jalan bagi ahli fikir untuk mengambil pelajaran daripada segala kisah dan beritanya, dan menjadi jelas jalan bagi perjalanan yang benar dan lurus dengan hukum-hakam yang diperincikannya.

Al-Quran juga memisahkan di antara yang halal dengan yang haram, ia adalah sinaran dan cahaya, penyelamat daripada tipu daya, dan padanya terdapat penawar bagi apa yang di dalam dada (hati).

Sesiapa yang mengengkari al-Quran dari kalangan para penzalim, nescaya Allah akan menghancurkannya. Sesiapa yang mencari ilmu pada selainnya, nescaya Allah akan menyesatkannya. Ia adalah tali Allah yang kukuh, cahaya-Nya yang terang, ikatan yang teguh, pelindung yang memelihara, meliputi yang sedikit dan banyak, kecil dan besar, tidak habis-habis keajaibannya, tidak putus-putus keunikannya, di sisi ahli ilmu faedahnya

tiada sempadan, tidak usang meskipun banyak diulang-ulang oleh ahli tilawah, dan ia membimbing orang-orang terdahulu dan terkemudian. Ketika al-Quran didengari oleh kaum jin, mereka tidak menanti lalu bersegera memberi peringatan kepada kaum mereka dengan mengatakan:

﴿إِنَّا سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ۝١ يَهْدِىٓ إِلَى ٱلرُّشْدِ فَـَٔامَنَّا بِهِۦ ۖ وَلَن نُّشْرِكَ بِرَبِّنَآ أَحَدًا ۝٢﴾

Terjemahan: Sesungguhnya kami telah mendengar al-Quran (sebuah Kitab Suci) yang susunannya dan kandungannya sungguh menakjubkan! Kitab yang memberi panduan ke jalan yang betul, lalu kami beriman kepadanya, dan kami tidak sekali-kali akan mempersekutukan sesuatu makhluk dengan Tuhan kami.

(*Surah Jin* 72: 1-2)

Semua yang beriman kepada al-Quran akan diberi petunjuk. Sesiapa yang berkata dengan al-Quran, maka dia adalah benar. Sesiapa yang berpegang teguh dengan al-Quran, nescaya dia pasti telah terbimbing. Dan sesiapa yang beramal dengan al-Quran, pasti dia telah berjaya.

Allah ﷻ berfirman:

﴿إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا ٱلذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَـٰفِظُونَ ۝٩﴾

Terjemahan: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

(*Surah al-Hijr* 15: 9)

Antara faktor al-Quran kekal terpelihara sama ada di dalam hati mahupun dalam mashaf ialah ia sentiasa ditilawahkan, terus dipelajari secara tekun dengan pelaksanaan dan penjagaan adab-adab dan syarat-syarat yang zahir mahupun batin. Oleh itu, pekara ini perlu dihurai dan diperincikan.

Maqasid atau tujuan ini akan menjadi jelas dengan empat bab berikut:

Bab pertama: mengenai kelebihan al-Quran dan ahli al-Quran.

Bab kedua: mengenai adab-adab tilawah yang zahir.

Bab ketiga: mengenai amalan (adab-adab) batin ketika tilawah.

Bab keempat: mengenai memahami al-Quran, tafsir dengan pendapat (*bi al-ra'yi*) dan selainnya.

"Maka, adalah kalam itu seperti mana seorang raja yang terselindung, wajahnya tidak kelihatan, dan yang jelas hanyalah arahannya sahaja. Ia seperti matahari yang gagah namun unsur-unsurnya tersembunyi, dan seperti bintang-bintang yang bercahaya yang memberi petunjuk jalan bagi mereka yang tidak mengetahui perjalanan bintang-bintang tersebut."

"Kalam adalah kunci khazanah yang berharga dan minuman kehidupan yang tidak akan mati orang yang meminumnya. Ia juga adalah penawar segala kesakitan, yang tidak akan sakit orang yang diberi minum dengannya."

Inilah yang disebutkan oleh orang cerdik pandai tersebut secara ringkas untuk memahamkan makna kalam. Adapun penjelasan yang lebih mendalam tidak sesuai dengan ilmu *al-mu'amalah*. Maka cukuplah sekadar itu

KEDUA: MENGAGUNGKAN YANG BERBICARA

Orang yang membaca al-Quran sewaktu diawal bacaannya sewajarnya menghadirkan dalam hatinya keagungan Yang Berbicara (*al-Mutakallim*). Ketahuilah bahawa sesungguhnya apa yang dibacanya bukanlah daripada kalam manusia. Sesungguhnya pembacaan Kalam Allah ﷻ itu suatu perkara yang amat besar, sehingga Allah ﷻ menegaskan dengan berfirman:

﴿ لَّا يَمَسُّهُۥٓ إِلَّا ٱلْمُطَهَّرُونَ ٧٩ ﴾

Terjemahan: *(Al-Quran) tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci.*

(*Surah al-Waqi'ah* 56: 79)

Seperti mana kulit yang membaluti mashaf al-Quran dan helaian al-Quran adalah terpelihara daripada

disentuh oleh kulit manusia (melainkan mereka yang dalam keadaan suci), maka begitu jugalah kemuliaan dan keagungan bagi makna batin al-Quran yang akan terhijab daripada sifat batin hati, melainkan bagi mereka yang suci daripada segala najis, dan bersinar dengan cahaya mengagung dan membesarkan (Allah ﷾).

Seperti mana tiada tangan yang boleh menyentuh kulit mashaf, maka tiada lisan yang boleh boleh membaca setiap huruf, dan begitu juga tiada hati yang boleh memahami maknanya (tanpa dalam keadaan yang suci).

Sebagai contoh dalam mengagungkan al-Quran ialah kisah Ikrimah bin Abu Jahal. Apabila dia membuka lembaran al-Quran dia akan pengsan. Lalu dia berkata (setelah sedar), “Ia adalah Kalam Tuhan, ia adalah Kalam Tuhan.”

Maka, dengan mengagungkan kalam bererti mengagungkan *al-mutakallim* (Allah ﷾). Tidak akan hadir keagungan *al-mutakallim* (Allah ﷾) kepada orang yang membaca al-Quran selagi mana dia tidak memikirkan akan sifat-sifat dan keagungan serta perbuatan-Nya. Apabila terlintas di fikirannya akan Arasy, Kursi, langit dan bumi, dan di antara kedua-duanya daripada kalangan jin, manusia, haiwan dan pokok-pokok, maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Pencipta (*al-Khaliq*), Penguasa dan Pemberi rezeki kepada sekaliannya hanyalah satu, iaitu Allah ﷾.

Dan sesungguhnya segala sesuatu di dalam genggaman kekuasaan-Nya yang berkisar antara kurniaan dan rahmat-Nya, serta cubaan dan kekuasaan-Nya. Sekiranya Dia memberi sesuatu nikmat, maka itu adalah kurniaan-Nya, dan sekiranya Dia menimpakan suatu azab, maka itu adalah keadilan-Nya.

Sesungguhnya Dialah yang berfirman (dalam hadis kudsi):

هَؤُلَاءِ فِي الجَنَّةِ وَلَا أُبَالِي، وَهَؤُلَاءِ فِي النَّارِ وَلَا أُبَالِي.

Terjemahan: *Mereka itu berada di dalam syurga dan Aku tidak peduli, dan mereka (yang lain) itu berada di dalam neraka dan Aku tidak peduli.*

(Riwayat Abu Ya'la dalam *al-Musnad*)

Maka inilah kemuncak keagungan dan kemuliaan. Maka dengan berfikir melalui perumpamaan sebegini, akan hadirnya rasa mengagungkan *al-Mutakallim* (Allah ﷻ), seterusnya hadir rasa mengagungkan Kalam Allah ﷻ.

KETIGA: MENGHADIRKAN HATI DAN MENINGGALKAN BISIKAN JIWA

Diriwayatkan dalam tafsir:

﴿ يَٰيَحۡيَىٰ خُذِ ٱلۡكِتَٰبَ بِقُوَّةٍ ﴾

Terjemahan: *Wahai Yahya, terimalah Kitab itu (serta amalkanlah) dengan bersungguh-sungguh!*

(*Surah Maryam* 19: 12)

Ayat tersebut menjelaskan, perlunya mengamalkan isi kandungan al-Quran dengan bersungguh-sungguh, menumpukan sepenuh perhatian sewaktu membaca al-Quran, dan tidak sibuk dengan perkara lain.

Seorang ulama ditanya, "Apabila kamu membaca al-Quran, adakah kamu membisikkan sesuatu dalam hati kamu?" Lalu dia menjawab, "Adakah sesuatu yang lain lebih aku sukai daripada membaca al-Quran sehingga aku membisikkannya kepada jiwa aku sendiri?"

Oleh itu, apabila orang yang membaca al-Quran memasuki tanah-tanah lapang, memetik buah-buahan, memasuki istana-istana, menyaksikan para pengantin, memakai kain sutera, menikmati pemandangan indah di taman, tinggal di tempat persinggahan orang-orang musafir, maka dia akan tenggelam dalam kenikmatan tersebut dan sibuk memikirkannya tanpa diganggu. Hatinya tidak akan renggang daripada menikmati bacaan al-Quran dan pemikirannya tidak dapat berpisah daripada memikirkannya.

KEEMPAT: TADABBUR

Tadabbur hanya hadir selepas hadirnya hati. Sesungguhnya, terkadang seseorang itu tidak berfikir melainkan hanya pada al-Quran, akan tetapi sebaliknya ia hanya memadai mendengar bacaan al-Quran sahaja dan tidak bertadabbur. Tujuan daripada pembacaan al-Quran ialah untuk tadabbur, justeru disunatkan untuk membaca al-Quran secara tartil. Hal ini kerana bacaan tartil secara zahir membolehkan tadabbur secara batin.

Kata Sayidina Ali ﵁, “Tidak ada sesuatu kebaikan pada ibadat yang pelaksanaannya tidak difahami, dan tidak ada sesuatu kebaikan pada bacaan al-Quran yang tidak ada tadabbur padanya.”

Jika tidak mampu tadabbur melainkan diulangi bacaan, maka ulangilah bacaan tersebut kecuali sewaktu solat secara berjemaah dibelakang imam. Sesungguhnya, jika ia kekal mentadabbur sesuatu ayat, manakala imam pula sedang membaca ayat-ayat yang lain, maka ini adalah perkara yang tidak baik, seperti seseorang yang kagum dengan suatu perkataan yang diucapkan seseorang kepadanya, lalu dia terabai daripada memahami semua isi kandungan percakapan

(sama ada menghafal al-Quran secara keseluruhan atau tidak). Kebanyakan sahabat hanya menghafal satu surah atau dua surah. Adapun yang menghafal surah al-Baqarah dan al-An‘am adalah dalam kalangan para ulama mereka.

Apabila datang seseorang untuk mempelajari al-Quran, lalu ia sampai kepada firman Allah ﷻ:

﴿ فَمَن يَعۡمَلۡ مِثۡقَالَ ذَرَّةٍ خَيۡرٗا يَرَهُۥ ٧ وَمَن يَعۡمَلۡ مِثۡقَالَ ذَرَّةٖ شَرّٗا يَرَهُۥ ٨ ﴾

Terjemahan: *Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)! Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!*

(*Surah al-Zalzalah* 99: 7-8)

Dia berkata, “Memadai bagi aku dengan ayat ini.” Kemudian dia pulang. Lalu Baginda ﷺ bersabda:

انْصَرَفَ الرَّجُلُ وَهُوَ فَقِيهٌ.

Terjemahan: *Lelaki tersebut pulang dalam keadaan dia adalah seorang yang faqih.*

Sesungguhnya kemuliaan ialah bagi keadaan tersebut yang dikurniakan oleh Allah ﷻ ke atas hati seorang hamba selepas memahami sesuatu ayat al-Quran.

Adapun gerakan lidah semata-mata, maka sangat sedikit faedahnya. Bahkan orang yang menggerakkan lidah sewaktu membaca, sedangkan dia berpaling daripada mengamalkannya adalah termasuk dalam ancaman Allah ﷻ: